

# Misi Everest sumber inspirasi Keluarga Malaysia

**Kuala Lumpur:** Rakyat negara ini harus menjadikan semangat cekat peserta Misi Malaysia Everest 2022 orang kurang upaya (OKU), Muhammad Hawari Hashim, bersama pasukannya sebagai sumber inspirasi buat semua Keluarga Malaysia dalam mendepani sebarang cabaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, menzahirkan rasa bangga dengan semangat juang Muhammad Hawari, 31, yang juga OKU pendengaran bersama pasukannya yang mencerminkan belia Keluarga Malaysia, kalis cabaran serta bersemangat melaksanakan misi mereka.

Menerusi hantaran di laman Facebook dan Twitter, Ismail Sabri berkata, beliau menerima satu mesej melalui Instagram dan Facebook daripada anak belia berwawasan itu yang ingin bertemu dengannya sebelum

Misi Malaysia Everest 2022 bersama pasukannya pada 15 April depan.

"Misi (Muhammad) Hawari juga mendapat liputan akhbar dan media tempatan. Semalam (kelmarin), saya bertemu Hawari dan pasukannya dalam satu program Yayasan Keluarga Malaysia di WTC Kuala Lumpur pada Perhimpunan Agung UMNO 2021.

"Semoga semangat cekat kalian menjadi inspirasi buat seluruh Keluarga Malaysia. Saya doa semoga berjaya buat kalian yang bakal memulakan misi 15 April ini. Kalian hero Keluarga Malaysia," katanya.

Perdana Menteri turut memuat naik video perjumpaannya dengan Muhammad Hawari dan peserta lain misi itu.

Muhammad Hawari, antara 10 rakyat Malaysia yang bakal menakluk puncak tertinggi di

dunia, Gunung Everest, bermula pada 15 April ini dalam misi Malaysia Everest 2022.

Jika berjaya, Muhammad Hawari akan menjadi OKU pertama negara yang berjaya menjejakkan kaki ke puncak Everest selepas beliau berjaya sampai ke Annapurna Base Camp pada ketinggian 4,130 meter dari aras laut, Ogos lalu.

Selain Muhammad Hawari, pendaki lain adalah Azim Afif Ishak, 33; Ayu Wanirah Nahrudin, 29; bekas pesilat negara, Rina Jordana Adnan, 42; Ahmad Murshid Maktar, 35; Jack Oh Jin Heng, 37; Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Kedah, Leftenan Kolonel (PA) Awang Askandar Ampuan Yaacub, 54; serta tiga wakil daripada Komando (VAT 69) iaitu Kanang Anak Usin, 42, Pragash Murugesu, 32 dan Mohammad Hanif Che Ahmad, 28. BERNAMA



Ismail Sabri menzahirkan rasa bangga dengan semangat Muhammad Hawari dan pasukannya, ketika pertemuan di Pusat Dagangan Duma (WTC) Kuala Lumpur, semalam. (Foto ihsan ME 2022)